

Shukor Pengerusi Lembaga Pengarah USIM

SEREMBAN 18 April - Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin (**gambar**) dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Ma-

laysia (USIM) berkuat kuasa 1 April lalu.



Beliau menggantikan Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Md. Noor yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Mac lalu selepas menyandang jawatan itu selama 12 tahun dengan pelantikan dibuat Kementerian Pengajian Tinggi.

Abdul Shukor sebelum ini memegang jawatan Naib Canselor USIM sejak ia ditubuhkan pada 1998 sehingga 2009 selain merupakan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Menurut Abdul Shukor, pelantikan itu adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik untuk memacu kejayaan serta memartabatkan USIM di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Saya amat bersyukur atas kepercayaan yang diberikan ini dan berkeyakinan anggota lembaga pengarahnya mempunyai keupayaan tinggi dalam pelbagai bidang untuk memajukan universiti ini.

“Saya amat berterima kasih kepada Dr. Mohamad Yusof yang banyak mendidik dalam soal kepimpinan di semua peringkat,” katanya pada majlis penghargaan dan penyerahan tugas di USIM, Nilai, dekat sini hari ini.

Jelas Abdul Shukor, antara misi utamanya adalah memastikan USIM diiktiraf bukan sahaja di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) malah diterima masyarakat dari dalam dan luar negara.